

MEMAHAMI BUDAYA

Komuniti Orang Pekak



Secara umumnya, budaya ialah cara hidup dan cara berfikir sesuatu komuniti yang memiliki persamaan perasaan dan pemikiran dari aspek penggunaan bahasa, kepercayaan, nilai, tradisi, norma sosial, dan identiti dalam aktiviti kehidupan mereka. Orang pekak ialah individu yang mengalami masalah pendengaran dan tidak boleh bertutur seperti individu biasa. Komunikasi utama orang pekak adalah melalui isyarat. Lantaran itu, mereka memiliki budaya berlainan daripada kita yang berpendengaran. Pembentukan budaya dalam kalangan komuniti orang pekak ditunjangi oleh "isyarat" yang merupakan cara mereka berkomunikasi.

Bilangan orang pekak dalam sesuatu komuniti sangat sedikit. Oleh sebab itu, pembentukan komuniti dan budaya orang pekak merupakan satu proses yang lama dan agak kompleks. Walau bagaimanapun, berdasarkan catatan sejarah didapati pembentukan komuniti orang pekak bermula apabila sekolah untuk mereka ditubuhkan. Sekolah khas untuk kanak-kanak pekak ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1954 yang dikenali sebagai Sekolah Persekutuan Kanak-kanak Pekak Pulau Pinang di Pulau Pinang.

Sebelum penubuhan sekolah tersebut, murid-murid pekak belajar bersama-sama dengan murid-murid biasa melalui kaedah pertuturan. Disebabkan kesukaran berkomunikasi, memahami apa-apa yang diajar oleh guru dan tidak boleh mengikuti kurikulum persekolahan menyebabkan kanak-kanak pekak ketinggalan dalam akademik. Akibat daripada suasana itu, pihak berwajib terpaksa memindahkan mereka yang membawa kepada penubuhan sekolah khas untuk murid-murid pekak. Hal ini berlaku di kebanyakan negara. Pihak berwajib juga membina asrama bagi kemudahan persekolahan kepada mereka yang tinggal jauh dari sekolah. Di sekolah dan di asrama tersebut membolehkan orang pekak membentuk, menggunakan dan mengamalkan komunikasi, bahasa dan budaya mereka. Seperti persekolahan untuk murid-

Orang pekak mempunyai cara tersendiri untuk menarik perhatian ahli mereka semasa hendak berkomunikasi. Umpamanya, mereka menghentakkan kaki ke lantai dan mengetuk meja dengan jari atau tangan bagi membolehkan perhatian tertumpu kepada individu yang hendak "bercakap" apabila hendak memulakan komunikasi. Melalui cara ini, getaran daripada hentakan dan ketukan itu membolehkan orang pekak lain memberi perhatian.

murid biasa, tempoh masa persekolahan memakan masa bertahun-tahun. Oleh sebab itu, penempatan murid-murid pekak di asrama merupakan suatu "rahmat" yang membolehkan mereka beinteraksi dan membina keakraban dalam pembentukan komuniti mereka yang berbudaya sendiri.

Setelah tamat persekolahan, komuniti pekak membentuk pertubuhan dan persatuan bagi membina jalinan, jaringan dan menjaga kabajikan mereka. Terdapat catatan yang memperlihatkan bahawa setelah tamat persekolahan, kebanyakan orang pekak lepasan sekolah berada dalam keadaan keseorangan dan terasing dalam masyarakat, yang berpunca daripada perbezaan komunikasi yang digunakan. Keadaan ini menyebabkan mereka menubuhkan persatuan mereka sendiri. Pertubuhan orang pekak pada peringkat nasional di Malaysia ialah "Persekutuan Orang Pekak Malaysia". Manakala pada peringkat negeri, wujud persatuan orang pekak yang bernaung di bawah Persekutuan Orang Pekak Malaysia berdasarkan negeri. Contoh di Kelantan ialah "Persatuan Orang Pekak Kelantan".

Melalui organisasi tersebut, orang pekak mengadakan pertemuan dan aktiviti secara berkala. Melalui pertemuan tersebut, mereka dapat meneruskan budaya yang sekian lama terbentuk pada zaman persekolahan mereka. Yang berbeza ialah semasa zaman persekolahan mereka lebih tertumpu kepada hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan. Selepas zaman persekolahan, tumpuan mereka lebih kepada kehidupan berkeluarga, alam pekerjaan dan sebagainya seperti komuniti yang lain.



Rajah bahasa isyarat tangan.

Sebagai komuniti yang berbudaya, orang pekak mempunyai etika semasa berkomunikasi. Orang pekak mempunyai cara tersendiri untuk menarik perhatian ahli mereka semasa hendak berkomunikasi. Umpamanya, mereka menghentakkan kaki ke lantai dan mengetuk meja dengan jari atau tangan bagi membolehkan perhatian tertumpu kepada individu yang hendak "bercakap" apabila hendak memulakan komunikasi. Melalui cara ini, getaran daripada hentakan dan ketukan itu membolehkan orang pekak lain memberikan perhatian.

Orang pekak juga mengangkat tangan dan menggerakkan tangan ke kanan dan ke kiri untuk menarik perhatian. Semasa berkomunikasi, penglihatan kepada individu yang menyampaikan maklumat tidak terhalang oleh individu-individu lain yang berada dalam persekitaran. Hal ini dapat dilakukan oleh orang pekak secara baik. Jika seseorang sedang menyampaikan maklumat, individu lain tidak dibenarkan berkomunikasi kerana mereka akur bahawa penglihatan hanya dapat memberikan tumpuan pada satu-satu hal sahaja, dan tidak seperti telinga yang dapat mendengar berbagai-bagai bunyi dari pelbagai arah. Melanggar etika tersebut dianggap sebagai tidak sopan atau "biadab" dalam komuniti orang pekak. Mereka dapat mewujudkan persekitaran komunikasi dalam medan penglihatan walaupun ramai individu yang terlibat.

Begitu juga halnya jika mereka hendak meninggalkan majlis atau pertemuan. Mereka dianggap tidak sopan jika tidak memaklumkan lebih awal. Pemakluman ini dapat dilakukan secara mencuit seseorang dan memaklumkannya. Seperti juga komunikasi lisan, pengambilan giliran berisyarat juga dilakukan secara teratur supaya tidak ada individu yang berkomunikasi secara serentak. Dalam satu-satu majlis, mereka saling membantu memberikan maklumat tentang apa-apa yang telah, sedang dan akan berlaku supaya tidak ada yang berasa janggal atau mendapat malu. Komunikasi mereka lebih telus kerana mereka terpaksa berterus terang dalam banyak hal agar diterima oleh komuniti mereka berbanding dengan komuniti pengguna bahasa lisan.

Kebanyakan ciri budaya yang wujud dalam komuniti orang pekak bersangkut paut dengan corak komunikasi mereka. Sesuatu yang tidak digemari oleh orang pekak ialah apabila orang berpendengaran berkomunikasi melalui pertuturan sesama mereka, sedangkan orang pekak ada bersama-sama pada waktu itu. Suasana ini memperlihatkan bahawa kita seolah-olah tidak mengendahkan kehadiran orang pekak. Oleh sebab itu, adalah agak "manis" jika semasa kita berkomunikasi, kita sesekali memandang ke arah orang pekak, serta mengerakkan atau menggunakan anggota badan sebagai petanda bahawa kita memberikan perhatian terhadap mereka.

Menepuk atau mencuit bahu dari arah belakang atau dari arah yang orang pekak tidak nampak juga merupakan satu amalan yang tidak digemari orang pekak. Keadaan ini

Dari perspektif orang pekak, orang biasa dapat berkomunikasi dengan orang pekak melalui pelbagai cara dan saluran. Gerak bibir, pertuturan, bahasa badan, mimik muka dan apa-apa sahaja dapat digunakan kerana orang pekak akan berusaha untuk memahaminya. Dari segi berkeluarga pula, kebanyakan orang pekak mendirikan rumah tangga dengan pasangan yang pekak juga.

menyebabkan mereka berasa amat terkejut berbanding dengan orang yang dapat mendengar, jika perlakuan mencuit itu dilakukan. Walau bagaimanapun, orang pekak tidak berasa janggal jika semasa berkomunikasi kita mencuit atau menyentuhnya bagi memastikan mereka memberikan perhatian terhadap apa-apa yang hendak diperkatakan. Sentuhan atau cuitan juga perlu dilakukan pada bahagian-bahagian tertentu yang tidak sensitif.

Sesuatu yang kurang disenangi oleh orang pekak ialah apabila mereka berada dalam majlis tertentu, mereka tidak dimaklumkan dengan atur cara atau apa-apa yang berlaku, selain daripada apa-apa yang mereka dapat lihat. Sebagai contohnya, dalam situasi rasmi yang memerlukan hadirin berdiri semasa ketibaan pembesar negara dari arah belakang, sedangkan orang pekak tidak mendengar pengumuman atau arahan lisan yang disampaikan. Keadaan ini menyebabkan orang pekak tidak ada petunjuk atau petanda terhadapnya.

Dari perspektif orang pekak, orang biasa dapat berkomunikasi dengan orang pekak melalui pelbagai cara dan saluran. Gerak bibir, pertuturan, bahasa badan, mimik muka dan apa-apa sahaja dapat digunakan kerana orang pekak akan berusaha untuk memahaminya. Dari segi berkeluarga pula, kebanyakan orang pekak mendirikan rumah tangga dengan pasangan yang pekak juga.

Salah satu cara budaya orang pekak diperturunkan kepada generasi baharu adalah melalui "keturunan". Kajian juga mendapati bahawa bahasa isyarat yang digunakan dalam keluarga pekak merupakan tunjang kepada pembentukan dan pengembangan bahasa isyarat mereka, jika dibandingkan dengan isyarat yang digunakan oleh orang pekak yang dibesarkan dalam keluarga yang tidak pekak.

Perkembangan bahasa isyarat antara mereka membolehkan maklumat dan hal-hal yang berlaku disampaikan secara jelas dan teratur. Melalui bahasa isyarat, peraturan, norma dan etika dalam berkumuniti terbentuk. Demikian juga dengan budaya yang menjadi amalan dalam komuniti orang pekak.

Dari perspektif orang pekak, mereka tidak menganggap diri mereka sebagai kehilangan sesuatu atau cacat dari segi pendengaran. Mereka juga tidak memikirkan diri mereka sebagai cacat, terganggu, atau kurang upaya akibat daripada tidak boleh bertutur. Malah keterikatan pembentukan budaya mereka berpaksikan komunikasi isyarat yang menjadi medium komunikasi utama mereka. Melalui bahasa isyarat semua aktiviti berkaitan norma hidup terbentuk dan tersebar seperti mana yang berlaku pada komuniti manusia berpendengaran.

Pendidikan dan kecanggihan cara penyampaian maklumat yang digunakan kini membolehkan orang pekak menguasai lebih daripada satu bahasa isyarat. Aplikasi seperti Whatsapp, Facebook dan Face Time merupakan antara aplikasi memudahkan orang pekak berkomunikasi secara bersemuka melalui telefon bimbit mereka. Ada yang menggunakan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan ada juga menggunakan Bahasa Isyarat Amerika (ASL) dan Bahasa Isyarat British (BSL). Malahan, ada orang pekak yang dwiisyarat (BIM dan ASL) dan ada juga yang ekabahasa (BIM, BSL dan ASL). Orang pekak yang berkebolehan lebih daripada satu bentuk isyarat menduduki status sosial yang lebih tinggi dalam komuniti orang pekak. Mereka memiliki ciri-ciri berpendidikan tinggi atau mendapat pendidikan luar negara dan pekerjaan seperti mana berlaku dalam komuniti manusia berpendengaran.

Pembentukan satu-satu budaya wujud apabila berlakunya pembentukan komuniti yang mengamalkan sesuatu yang mempunyai persamaan. Perkongsian persamaan ini akan membentuk tali ikatan antara mereka dan seterusnya membentuk satu budaya dalam amalan kehidupan. Kajian oleh sarjana bahasa isyarat mendapati bahawa setiap isyarat yang merujuk terhadap sesuatu melalui proses persetujuan bersama dalam komuniti orang pekak.

Bagi orang pekak, persamaan saluran komunikasi merupakan asas utama dalam pembentukan budaya mereka. Dari perspektif orang pekak, penerimaan seseorang sebagai komuniti mereka terletak atas kebolehan seseorang itu berkomunikasi melalui isyarat. Terdapat ramai juga orang pekak yang dapat berkomunikasi melalui pertuturan, tetapi bagi membolehkan mereka diterima sebagai sebahagian daripada komuniti mereka, seseorang itu mestilah berupaya berkomunikasi melalui isyarat. Oleh sebab itu, orang pekak yang tidak dapat berkomunikasi melalui isyarat, tidak dianggap sebagai ahli dalam komuniti orang pekak.

Terdapat sebilangan kecil orang pekak dibesarkan dalam keluarga bukan pekak dan mendapat pendedahan bahasa lisan. Orang pekak sebegini lazimnya dipaksa menggunakan bahasa lisan sebagai saluran komunikasi utama. Natijahnya, kumpulan orang pekak ini bukan ahli dalam komuniti orang pekak dan juga bukan pengamal budaya orang pekak yang disebabkan oleh perbezaan cara berkomunikasi.

Komuniti orang pekak memiliki pegangan bahawa mereka bukan "cacat" tetapi lebih kepada "perbezaan komunikasi". Oleh hal yang demikian, usaha ke arah memulihkan pendengaran bagi membolehkan mereka bertutur bukan sesuatu yang perlu diberikan perhatian kerana mereka beranggapan bahawa komunikasi melalui isyarat sudah memadai dan lengkap. Kebelakangan ini, komuniti orang pekak mendesak supaya isyarat mereka diterima dan digunakan dalam aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan orang pekak. Usaha ini digerakkan oleh *World Federation of the Deaf*. Umpamanya, memohon kepada pemerintah supaya isyarat mereka diangkat sebagai bahasa persekolahan dan dijadikan satu mata pelajaran. Salah satu ciri budaya orang pekak ialah mereka lebih mengutamakan kepentingan kumpulan berbanding dengan kepentingan individu.

Memahami bahasa dan budaya orang pekak membolehkan kita memahami keterikatan yang terbentuk antara mereka. Mempelajari dan menguasai komunikasi isyarat menjadi "jambatan" antara orang pekak dengan orang berpendengaran. Memahami orang pekak memiliki identiti dan budaya mereka yang tersendiri ialah satu keistimewaan. Mengatakan orang pekak sebagai kumpulan komuniti orang cacat tidak diterima oleh orang pekak kerana pekak yang mereka alami tidak dianggap sebagai cacat sepertimana seseorang yang mengalami kecacatan yang lain. Mereka ialah komuniti tersendiri yang memiliki identiti yang berbeza daripada komuniti orang berpendengaran. Mereka juga adalah komuniti minoriti seperti komuniti minoriti lain yang ada di merata dunia, seperti orang asli di Malaysia, Orang Red Indian di Amerika dan Moari di New Zealand.